






STATISTIK GUNA TENAGA, SUKU KEDUA 2025



Nota: Hasil tambah mungkin berbeza dengan jumlah kerana pembundaran secara berasingan. Sumber: Statistik Guna Tenaga, Suku Kedua 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Jawatan, Kadar Jawatan Diisi dan Kadar Kekosongan, ST1 2022 – ST2 2025



Permintaan buruh Malaysia kekal menggalakkan pada ST2 2025, dengan 9.10 juta jawatan, meningkat sebanyak 1.6 peratus tahun ke tahun.

Permintaan Buruh, Suku Kedua 2025

- Permintaan buruh Malaysia kekal menggalakkan pada ST2 2025 dengan 9.10 juta **jawatan**, meningkat sebanyak 1.6 peratus tahun ke tahun. Daripada jumlah ini, 8.90 juta **jawatan diisi**, menjadikan kadar jawatan diisi sebanyak 97.9 peratus.
- Pada ST2 2025, terdapat 194.9 ribu **kekosongan jawatan** bersamaan dengan 2.1 peratus kadar kekosongan. Sejumlah 31.9 ribu **jawatan baharu diwujudkan** pada suku ini.

Permintaan Buruh mengikut Kategori Kemahiran

- Mengikut **kategori kemahiran**, kategori separuh mahir merupakan penyumbang terbesar jawatan pada 62.4 peratus (5.67 juta), diikuti oleh kategori mahir sebanyak 25.1 peratus (2.29 juta) dan kategori berkemahiran rendah sebanyak 12.5 peratus (1.13 juta).
- Bagi **kategori mahir**, terdapat 2.24 juta jawatan diisi (97.9%) dan 48.0 ribu kekosongan (2.1%) direkodkan. Selain itu, 7.9 ribu jawatan baharu telah diwujudkan dalam kategori ini.
- **Kategori separuh mahir** menyumbang 5.56 juta jawatan diisi, dengan 98.1 peratus kadar jawatan diisi. Sementara itu, kekosongan jawatan adalah sebanyak 109.5 ribu (1.9%) dan 20.6 ribu jawatan baharu telah diwujudkan dalam tempoh ini.
- Dari segi **kategori berkemahiran rendah**, 1.10 juta jawatan diisi direkodkan pada ST2 2025, mencerminkan 96.7 peratus kadar jawatan diisi. Kekosongan jawatan berjumlah 37.4 ribu dengan 3.3 peratus kadar kekosongan. Sebanyak 3.4 ribu jawatan baharu telah diwujudkan.

Permintaan Buruh mengikut Aktiviti Ekonomi

- Sektor Perkhidmatan mencatatkan sumbangan terbesar dalam **jawatan** dan **jawatan diisi**, menyumbang sebanyak 52.2 peratus (4.75 juta) dan 53.0 peratus (4.72 juta) masing-masing.
- Bilangan **kekosongan jawatan** tertinggi adalah di sektor Pembuatan dengan 112.4 ribu jawatan (57.7%), diikuti oleh Pertanian (31.8 ribu; 16.3%), Pembinaan (25.2 ribu; 13.0%) dan Perkhidmatan (24.8 ribu; 12.7%).
- Pada ST2 2025, **pewujudan jawatan** dalam sektor Perkhidmatan adalah sebanyak 14.9 ribu (46.7%), manakala Pembuatan di tempat kedua dengan 11.9 ribu (37.4%), diikuti Pembinaan sebanyak 3.5 ribu (11.0%).

